

16 NOV 2000

APEC-IFA

IFA DAPAT PERHATIAN DI DALAM DEKLARASI BRUNEI

Oleh: S.Durga Varma

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Usaha Malaysia untuk mendesak satu fasal mengenai kerangka kewangan antarabangsa (IFA) akan dimasukkan di dalam Deklarasi Apec Brunei tahun ini.

Sumber-sumber yang mengetahui memberitahu Bernama bahawa isu sedang ditangani di dalam perenggan sembilan daripada deklarasi itu yang akan dibaca oleh Sultan Hassanal Bolkhiah pada pukul 4.00 petang di kelab polo mewah berhadapan laut di Jerudong Polo and Country Club.

Para pemimpin itu dipercayai akan mengesahkan dengan tegasnya seruan supaya pembaharuan dilaksanakan di bawah IFA setelah mengiktiraf penderitaan ekonomi-ekonomi kecil yang menanggung keperitan pelarian modal dan daripada tindakan "spekulator-spekulator penyangak" semasa krisis kewangan lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mempersalahkan dana-dana lindung nilai yang tidak terkawal kerana menyerang matawang-matawang dan mengakibatkan kejatuhan Asia, sehingga memaksa sesetengah ekonomi termasuk Malaysia terjerumus ke dalam kancah kemelesetan ekonomi.

Perenggan mengenai IFA dijangka menjanjikan pembaharuan pasaran-pasaran kewangan untuk menghalang krisis masa depan.

"Kandungan-kandungan perisytiharan itu di dalam perenggan sembilan menangani kebimbangan Malaysia secara berterusan dan kami gembira bahawa ini (keperluan bagi satu IFA) tidak diketepikan seperti di dalam deklarasi sebelum ini," seorang pegawai Apec berkata.

Sebelum ini, terdapat kebimbangan bahawa IFA tidak akan menerima sebarang "sebutan atau perhatian" pada Sidang Kemuncak Apec tahun ini memandangkan tumpuan perbincangan pada mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan Mesyuarat Peringkat ke-12 Apec tertumpu kepada satu pusingan baru perundingan bagi WTO.

Hanya pada Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin itulah yang IFA telah dibincangkan dan dipersetujui sebagai keutamaan bagi Apec untuk kajian dengan segera, bercanggah dengan kebimbangan bahawa isu itu akan diketepikan sekali lagi.

Bagaimanapun, adalah tidak pasti sama ada deklarasi itu mempunyai perkara-perkara tertentu disebut tentang bagaimana pembaharuan di bawah IFA akan dilaksanakan tetapi sungguhpun demikian ia adalah satu langkah ke arah yang betul bagi Apec untuk melindungi kepentingan ekonomi-ekonomi kecil yang mudah terdedah kepada penjejasan.

Isu-isu lain yang pastinya menerima pengesahan oleh para pemimpin itu, dan terkandung di dalam perisytiharan itu ialah, bersetuju mengenai menubuhkan satu agenda sebelum menggerakkan perundingan baru bagi perjanjian pelbagai hala di bawah WTO, cabaran-cabaran ekonomi baru, menangani kebimbangan terhadap jurang digital dan prospek-prospek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke atas ekonomi-ekonomi Apec masa depan.

Perisytiharan itu juga dipercayai mengandungi satu perenggan mengenai "peruntukan kuota".

Peruntukan kuota berhubung dengan memberi anggota-anggota Apec yang lebih kecil suara sama rata dan hak di dalam Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) apabila tiba pada membuat keputusan dasar.

-- BERNAMA

DVS KTC OS MA